



**PENGERUSI JAWATANKUASA  
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)  
MERANGKAP AHLI PARLIMEN BELURAN  
PEJABAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
PARLIMEN MALAYSIA, JALAN PARLIMEN  
50680 KUALA LUMPUR**

*Tel* : 03-2601 7263 / 2698 6852 (DL)  
*Faks* : 03-2698 9218  
*Email* : [pacparlimen@parlimen.gov.my](mailto:pacparlimen@parlimen.gov.my)  
*Laman Web* : <http://www.parlimen.gov.my/pac>

19 Mac 2019

**Kenyataan Media YB Datuk Seri Dr Ronald Kiandee,  
Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) Parlimen merangkap  
Ahli Parlimen Beluran Berhubung Kunjungan Hormat Datuk Nik Azman Nik  
Abdul Majid, Ketua Audit Negara ke Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara  
(PAC) Parlimen.**

- 1) Hari ini, saya bersama Ahli-Ahli PAC menerima kunjung hormat daripada Ketua Audit Negara, Datuk Nik Azman Nik Abdul Majid yang baru dilantik pada 23 Februari 2019 untuk tempoh selama dua (2) tahun.
- 2) Saya mengucapkan setinggi penghargaan dan tahniah kepada Datuk Nik Azman atas pelantikannya sebagai Ketua Audit Negara.
- 3) Dalam kunjungan hormat ini, Ahli-Ahli PAC Parlimen bertukar-tukar pandangan dalam usaha menambah baik hubungan antara Jawatankuasa ini bersama JAN.
- 4) PAC Parlimen mengiktiraf peranan yang dimainkan JAN sebagai *stakeholders* utama yang membantu Jawatankuasa ini, malah jabatan ini juga adalah antara tujuh agensi yang dilantik menganggotai PAC Parlimen sebagai *ex-officio*.
- 5) Dalam perkembangan lain, saya ingin menjelaskan bahawa PAC Parlimen menjangkakan akan dapat menyelesaikan siasatan terhadap isu Tuntutan Bayaran Balik Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) Berjumlah RM19.4 bilion menjelang akhir sesi persidangan Dewan Rakyat pada 11 April 2019.

- 6) Mesyuarat prosiding berhubung isu ini, dimulakan pada 12 September 2018 dan PAC Parlimen sudah menjalankan lapan (8) Mesyuarat Prosiding berhubung isu ini, dengan pihak Jabatan Audit Negara (JAN) sudah memberikan taklimat kepada PAC Parlimen sebanyak dua (2) kali mengenai pengauditan terhadap tuntutan bayaran balik GST berjumlah RM19.4 bilion.
- 7) PAC Parlimen meminta JAN untuk menjalankan pengauditan terperinci terhadap semua tuntutan bayaran balik GST berjumlah RM19.4 bilion bagi menentu sahkan (*verify*) bahawa tuntutan berkenaan benar-benar berasas untuk dibayar balik.
- 8) PAC juga sudah mendengar penjelasan daripada semua pihak berkepentingan (*stakeholders*) yang terbabit dalam isu ini, termasuk Ketua Pengarah Kastam Diraja Malaysia, Kementerian Kewangan, Mantan Menteri Kewangan, Mantan Menteri Kewangan II, Menteri Kewangan, Mantan Ketua Setiausaha Perbendaharaan serta Ketua Setiausaha Perbendaharaan.
- 9) Jawatankuasa ini, memberi jaminan bahawa segala rumusan dan syor yang akan dikemukakan kepada Kerajaan dalam Laporan berhubung Tuntutan Bayaran Balik Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) Berjumlah RM19.4 bilion meliputi semua aspek dan disokong dengan data-data daripada pengauditan JAN.
- 10) PAC Parlimen juga mendapatkan semua pandangan termasuk daripada Peguam Negara, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) dalam melaksanakan Mesyuarat Prosiding serta menyiapkan laporan terhadap isu ini.
- 11) Menyentuh mengenai prosiding Projek Sistem Caj Kenderaan (RC) dan Permit Kenderaan Masuk (VEP) di bawah Kementerian Pengangkutan, saya ingin memaklumkan bahawa PAC Parlimen akan meneruskan mesyuarat prosiding terhadap isu ini pada 26 Mac 2019 dan 27 Mac 2019.
- 12) PAC Parlimen memulakan prosiding berhubung isu ini pada 20 Februari 2019 dengan memanggil Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan, Datuk Mohd Khairul Adib Abdul Rahman bagi memberikan penjelasan.

- 13) Bagaimanapun, selepas mendengar penjelasan daripada Datuk Mohd Khairul Adib, PAC Parlimen sebulat suara berpendapat supaya prosiding berhubung isu ini, disambung pada 26 Mac 2019 dengan memanggil Ketua Setiausaha Negara, Datuk Seri Dr Ismail Bakar yang pernah berkhidmat sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan bermula pada 18 November 2014 hingga 15 Disember 2015.
- 14) PAC Parlimen juga akan memanggil Datuk Seri Liow Tiong Lai yang pernah menjawat jawatan Menteri Pengangkutan bermula pada 25 Jun 2014 hingga 9 Mei 2018 untuk menghadiri prosiding berhubung isu yang sama pada 27 Mac 2019.
- 15) Penjelasan daripada kedua-dua mereka amat penting dalam membantu PAC Parlimen melengkapkan siasatan sekali gus mengemukakan rumusan dan syor kepada Kerajaan berhubung isu ini.
- 16) Surat panggilan kepada kedua-dua saksi ini, sudah dikeluarkan pada 18 Mac 2019 selaras dengan Peraturan Mesyuarat 83 (9) Dewan Rakyat.
- 17) Orang ramai yang berminat untuk melihat gambar kunjungan hormat Ketua Audit Negara boleh memuat turun (*download*) gambar berkenaan di laman web PAC di alamat [www.parlimen.gov.my/pac](http://www.parlimen.gov.my/pac).

Sekian, terima kasih.

YB Datuk Seri Dr Ronald Kiandee  
Pengerusi PAC Parlimen